



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kiri) menyerahkan dokumen MoU kepada **Shigeyoshi Takahashi** (dua dari kanan) sempena penganjuran Simposium Antarabangsa di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA (TIMUR) 24/10/2016 m/s 40

UMP jalin kerjasama dengan Asahitechno

KUANTAN 23 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Syarikat Asahitechno Co. Ltd (Asahitechno); Jepun melibatkan usahasama pendidikan dan penyelidikan kedua-dua belah pihak.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai universiti teknikal yang komited kepada kecemerlangan pendidikan, kerjasama itu dapat mengukuhkan lagi hubungan antara institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan dan industri di persada antarabangsa.

"Asahitechno adalah syarikat pembinaan dan pengurusan tanah utama di Jepun, ini membolehkan kita menjalankan penyelidikan bersama mengenai pembaikan tanah dalam pembinaan serta pertukaran penemuan akademik dan penerbitan.

"Syarikat tersebut banyak mencipta teknologi inovatif berkaitan pembinaan kaedah mengurangkan aras air dalam tanah untuk tujuan pembinaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Simposium Antarabangsa anjuran Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM) UMP dengan kerjasama Universiti Yamaguchi Jepun di Hotel Ze-

nith di sini baru-baru ini.

Selepas simposium berkenaan, berlangsung majlis menandatangani MoU berkenaan antara UMP diwakili Daing Nasir dan Presiden Asahitechno, Shigeyoshi Takahashi.

Yang hadir sama, Pengarah CERRM, Dr. Muzamir Hassan, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) UMP, Dr. Mohamad Idris Ali dan Profesor Emeritus Universiti Yamaguchi Jepun, Prof. Dr. Masayuki Hyodo.

Mengulas lanjut, Daing Nasir berkata, beliau berharap kerjasama dengan Asahitechno dapat meningkatkan kapasiti CERRM untuk menjalankan penyelidikan yang berkualiti tinggi serta mengukuhkan kerjasama pada masa depan.

"Pertumbuhan progresif dalam industri pembinaan, penekanan teknologi baharu dan inovasi penting bagi memastikan industri ini sesuai dengan ekosistem semasa," ujarnya.

Katanya, perkongsian kepakaran berkaitan industri dan kecakapan teknikal penting dalam menyumbangkan kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.

"Penting bagi UMP untuk bekerjasama dengan rakan strategik dari industri dalam usaha memperkayakan kepakaran teknikal dan meningkatkan keupayaan penyelidikan," katanya.